FORMULA P-A-S-K

Bina Ayat Lengkap dengan Mudah!

P = Pendapat
Jawab kehendak soalan.

A = Antaranya
Langkah pertama.

S = Selain itu
Langkah kedua.

K = Kesimpulannya
Penutup atau kesimpulan.

SOALAN:
Ceritakan dua cara untuk menunggang basikal dengan selamat.

P — Pendapat
➜ Pada **pendapat saya**, terdapat dua cara untuk menunggang basikal dengan selamat.

A — Antaranya
➜ Antaranya, kita perlulah **memakai topi keledar** supaya kepala terlindung daripada kecederaan.

S — Selain itu
➜ Selain itu, kita hendaklah menunggang basikal dengan **berhati-hati** supaya dapat mengelakkan kemalangan.

K — Kesimpulannya
➜ **Kesimpulannya**, kita mestilah sentiasa **menjaga keselamatan diri** ketika menunggang basikal.

CONTOH AYAT LENGKAP: ➜

Pada **pendapat saya**, terdapat dua cara untuk menunggang basikal dengan selamat.
Antaranya, kita perlulah **memakai topi keledar** supaya kepala terlindung daripada kecederaan.
Selain itu, kita hendaklah menunggang basikal dengan **berhati-hati** supaya dapat mengelakkan kemalangan.
Kesimpulannya, kita mestilah sentiasa **menjaga keselamatan diri** ketika menunggang basikal.

LIVEWORKSHEETS